

TARIKH: 13/12/23
 SURAT KHABAR: Berita Harian.
 MUKA SURAT: 4

'Duta Kebajikan' dilantik menteri penuh

Kuala Lumpur: Sering tampil membantu mereka yang dalam kesesahan sehingga diberi jolokan sebagai 'duta kebajikan', Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim kini dilantik sebagai menteri penuh.

Sebelum ini, beliau ialah Timbalan Menteri Kewangan II, dilantik sebagai Menteri Sumber Manusia dalam senarai Kabinet baharu yang ditumukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

Steven yang juga Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP menggantikan V Sivakumar yang digugurkan.

Berusia 41 tahun, Steven yang berasal dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang juga menteri termuda dalam Kabinet baharu Kerajaan Perpaduan.

Dalam kalangan orang ramai, Steven aktif membantu mereka yang dalam kesulitan tanpa mengira kaum.

Umpamanya, pada Februari lalu, beliau membantu seorang wanita yang dikenali Kak Ina yang tidak mampu melunaskan hutang RM15,000 sehingga disenaraihitamkan bank.

Bagi meredakan kebuntuan wanita itu, Steven membantu melunaskan hutang wanita tersebut dikeluarkan daripada senarai hitam, seterusnya melakukan kehidupan baharu.

Selain itu, usaha Steven menaja bekas gurunya yang dikenali sebagai Cikgu Zanyiah dan



Al-Sultan Abdullah berkenan menyaksikan Steven (kiri) bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Digital, Gobind Singh Deo mengangkat sumpah di Istana Negara, semalam sambil disaksikan Anwar dan isteri. (Foto BERNAMA)

Pak Johari untuk memunahkan suaminya, Pak Johari memunahkan umrah turut mendapat perhatian umum.

Menurut Steven, beliau sudah berjanji sejak Pebruari lalu namun mengambil masa bagi disesuaikan dengan masa Cikgu Zanyiah.

"Pada Februari lalu saya janjikanak taja guru Darjah Satu saya, Cikgu Zanyiah dan suaminya

Pak Johari untuk memunahkan umrah." katanya dalam hantaran di Facebook.

Steven juga membantu lelaki orang kurang upaya (OKU) dikenali sebagai Muadz yang motosikalnya digunakan untuk mencari rezeki hilang dicuri, turut meraih perhatian netizen.

Kisah lelaki penghantar makanan itu tular selepas dia me-

seorang orang kurang upaya (OKU), Norilham Ismail, 38, menamakan pengajiannya dalam jurusan Sejarah dengan kajian Amerika Syarikat (AS) di Universiti Malaya (UM). Tersentuh dengan kesukaran dihadapi Norilham dan pasangannya, Steven menyerahkan sumbangan RM15,000 bagi menampung perbelanjaan penginapan dan makan minum selama pasangan berkenaan berada di AS, selain RM1,000 sebulan selama setahun bagi menyokong Ilham menamatkan pengajian ijazah doktor falsafah (PhD).

Tahniah kepada Sim di atas pelantikannya sebagai Menteri Sumber Manusia yang baharu menggantikan saya, saya ucapkan kepadanya selamat maju jaya



V Sivakumar

Berita Harian
 Ms 4
 13/12/23